

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN : Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta**  
**MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah  
pandangan Malaysia terhadap pelantikan  
Presiden US yang baru dari segi hubungan dua  
hala.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pilihanraya Presiden Amerika Syarikat telah berlangsung pada 8 November 2016 dan telah dimenangi oleh Donald Trump daripada Parti Republikan. Donald Trump akan dilantik secara rasmi sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45 pada 20 Januari 2017.

3. Hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah terbina atas dasar saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan berdasarkan kerjasama erat di antara kedua-dua negara di dalam pelbagai bidang kepentingan termasuk perdagangan, pelaburan, pertahanan dan keselamatan. Peningkatan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat ke tahap *Comprehensive Partnership*, dengan izin, pada tahun 2014 di dalam pelbagai bidang kerjasama telah memberikan banyak manfaat kepada hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Antara lain, Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan ketiga terbesar dan pelabur asing kedua terbesar bagi Malaysia.

4. Dalam hal ini, Kementerian tidak menjangkakan bahawa pentadbiran baru Kerajaan Amerika Syarikat akan mengambil langkah-langkah regresif di dalam dasar luar negara berkenaan termasuk di dalam hubungan dua hala dengan Malaysia. Tambahan pula, sebagai sebuah negara demokrasi, dasar Kerajaan Amerika Syarikat bukan hanya ditentukan oleh Presiden. Malah, terdapat pembahagian kuasa yang jelas di antara kuasa eksekutif, legislatif dan perundangan bagi menentukan dasar Kerajaan Amerika Syarikat.

5. Sehubungan itu, Malaysia akan meneruskan kerjasama dengan pentadbiran baru Amerika Syarikat untuk memastikan kesinambungan hubungan kerjasama dua hala terus kukuh dan pada masa yang sama memastikan kepentingan Malaysia terjamin di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.